

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PAKEJ PERANTI KELUARGA MALAYSIA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

#### 1. Apakah itu Pakej Peranti Keluarga Malaysia ?

- Pakej Peranti Keluarga Malaysia adalah sebuah inisiatif yang membolehkan semua warganegara Malaysia untuk memiliki/menaik taraf peranti mudah alih terpilih yang bertaraf 4G VoLTE secara percuma. Inisiatif ini memberi peluang kepada setiap rakyat untuk memiliki/menaik taraf peranti mudah alih yang terkini agar tidak ketinggalan dalam meneruskan kelangsungan hidup selain menikmati kesalinghubungan yang baik dan mempertingkatkan produktiviti. Pakej ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan mudah alih.

#### 2. Apakah tawaran yang diberi menerusi Pakej Peranti Keluarga Malaysia dan manfaat?

- Pengguna dapat manfaat berikut:
  - Memiliki atau menaik taraf kepada peranti mudah alih 4G dan VoLTE
  - Dengan harga RM0 untuk peranti yang dapat dimiliki dengan langganan bulanan serendah RM40 sebulan melalui kontrak selama 12 – 24 bulan (tertakluk kepada jenis peranti dan perkhidmatan yang dilanggan)



Mukasurat 1 daripada 4

- Pakej ini termasuk 1GB data harian percuma untuk aktiviti produktiviti  
Setiap pengguna yang layak boleh melanggan sehingga dua pakej dengan mendaftar kad pengenalan yang sama
- Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

### **3. Siapakah yang layak untuk menikmati tawaran pakej ini?**

- Setiap warganegara Malaysia layak untuk menikmati tawaran pakej ini. Setiap pengguna yang layak boleh melanggan sehingga dua (2) pakej dengan mendaftar kad pengenalan yang sama. Adalah diharapkan agar lebih ramai ahli keluarga mendapat manfaat sempurna daripada pemilikan peranti mudah alih 4G dan VoLTE ini, untuk melengkapkan pengalaman Internet mereka.

### **4. Penyedia perkhidmatan manakah yang terlibat dalam menyediakan pakej ini?**

- Pihak penyedia perkhidmatan yang terlibat dalam inisiatif ini adalah Celcom Axiata Berhad (Celcom), Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi), Maxis Berhad (Maxis), U Mobile Sdn Bhd (U Mobile), Telekom Malaysia Berhad (TM) dan YTL Communications Sdn Bhd (YES).

### **5. Apakah tempoh mendaftar untuk Pakej ini?**

- Tempoh mendaftar untuk pakej ini adalah selama enam (6) bulan mulai 15 Oktober 2021- 15 April 2022



**6. Sekiranya saya melanggan pakej ini, adakah saya akan terikat kepada kontrak?**

- **Ya.** Sekiranya anda melanggan pakej ini, anda terikat kepada kontrak selama 12 hingga 24 bulan tertakluk kepada jenis peranti dan perkhidmatan yang dilanggan. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**7. Adakah pengguna prabayar layak untuk melanggan pakej ini?**

- **Tidak.** Pakej ini hanya terbuka kepada langganan pascabayar yang baharu atau sedia ada yang mana pemohon akan terikat kepada kontrak selama 12 hingga 24 bulan.

**8. Adakah penyedia perkhidmatan akan mengenakan bayaran pendahuluan untuk pakej ini?**

- Terdapat bayaran pendahuluan bagi pakej ini dan ia akan dikembalikan kepada pengguna. Bayaran pendahuluan diperlukan tertakluk kepada laporan kredit. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**9. Sekiranya saya menamatkan langganan sebelum tamatnya tempoh kontrak, adakah penyedia perkhidmatan akan mengenakan sebarang denda?**

- **Ya.** Pelanggan mesti melengkapkan keseluruhan tempoh kontrak selama 12 hingga 24 bulan bagi mengelakkan denda dikenakan oleh penyedia



perkhidmatan masing-masing. Jika kontrak tersebut ditamatkan lebih awal, pihak penyedia perkhidmatan akan mengenakan caj denda bagi penamatan tersebut. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**10. Sekiranya kawasan kediaman saya tidak mempunyai sebarang liputan, bolehkah saya membatalkan kontrak ini?**

- Sebarang penamatan awal akan menyebabkan penalti seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Anda disarankan untuk memeriksa terlebih dahulu sekiranya ketersediaan rangkaian liputan boleh diterima di kawasan anda melalui laman sesawang <https://jendela.my/map/>. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

*Soalan-soalan lazim ini dikemas kini pada 16 September 2021 dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini.*

**Disediakan oleh:  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

